

23/02/2001

MT belum pilih ketua Puteri Umno

KUALA LUMPUR, Khamis - Jawatankuasa Penaja Puteri Umno akan dianggotai 20 ahli dengan tujuh daripadanya dilantik Majlis Tertinggi (MT) dan 13 lagi dipilih melalui badan Perhubungan Umno negeri.

Mesyuarat MT hari ini, yang menerima struktur formula itu bagaimanapun belum membuat sebarang keputusan mengenai siapa akan mengetuai Puteri Umno tetapi mengharapkan ia dipilih daripada kalangan 20 ahli itu nanti.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata penubuhan jawatankuasa penaja itu amat penting bagi menggerakkan Puteri Umno dalam usaha menarik keanggotaan golongan muda wanita ke dalam parti itu.

"MT bersetuju cadangan Jawatankuasa Pengurusan mengenai formula untuk mewujudkan Jawatankuasa Penaja Puteri Umno. Badan Perhubungan Umno negeri akan mencadangkan nama seorang ahli Umno yang memenuhi syarat kelayakan untuk menjadi anggota Puteri Umno iaitu 35 tahun ke bawah," katanya selepas mesyuarat MT petang ini.

Mesyuarat itu dipengerusikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya sama ada calon ketua Puteri Umno sudah dinamakan, Abdullah berkata perkara itu belum diputuskan lagi.

Hanya bilangan ahli jawatankuasa itu diputuskan dan pelantikan ketua Puteri Umno juga perlu mendapat persetujuan MT terlebih dulu.

"Tak ada, kita tak sebut siapa pun lagi. Kita nak pastikan formula penubuhan (Puteri Umno) berjaya. Ia terlalu awal," katanya.

Mengenai syarat untuk dipilih sebagai ketua Puteri Umno, Dr Mahathir secara berseloroh berkata: "Dia mestilah wanita.

(END)